



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**ANJURAN  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

Dua jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minif]

Gambar di bawah menunjukkan beberapa kes kemalangan jalan raya. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca berlakunya kemalangan jalan raya. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda meminati sesuatu bidang kerjaya yang mencabar dan berisiko. Oleh itu, persediaan awal amat penting sebelum anda menceburi bidang pekerjaan tersebut.

Bincangkan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan.

2. Keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan amalan gaya hidup sihat.

Berikan pendapat anda.

3. Sejak akhir-akhir ini, pelbagai pihak terutama masyarakat mula memberikan perhatian serius terhadap gejala penderaan kanak-kanak yang semakin menjadi-jadi.

Tulis rencana tentang usaha-usaha menangani masalah tersebut.

4. Kejayaan dalam penerokaan angkasa lepas bukan sahaja dapat memperluas bidang komunikasi, tetapi turut memberikan suntikan dalam perkembangan bidang pendidikan, penyelidikan dan perubatan.

Ulaskan pernyataan tersebut.

5. Pantun, syair, gurindam dan seloka merupakan warisan budaya yang sarat dengan pelbagai nilai.

Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**ANJURAN  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat sebelah  
SULIT

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang ~~faktor-faktor~~ **remaja merokok dan kesan-kesannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Aktiviti merokok dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Mereka tidak segan silu merokok dalam khalayak. Kini tabiat merokok tidak mengenal usia. Banyak remaja dan kanak-kanak sudah terperangkap dalam tabiat merokok. Mereka kini bebas membeli rokok di kedai makan, gerai dan kedai serbaneka walaupun ketika berpakaian sekolah.

Banyak faktor yang menyebabkan remaja merokok. Kebanyakan remaja pada asalnya merokok kerana perasaan ingin tahu yang sangat kuat. Naluri ingin tahu membara dalam diri pelajar, justeru ingin merasai sendiri pengalaman tersebut. Ada juga remaja yang ingin membuktikan bahawa dirinya telah matang apabila merokok. Dengan kata lain, merokok menjadikan mereka dewasa. Selain itu, remaja yang merokok juga berpunca daripada rasa rendah diri.

Tekanan rakan sebaya mempengaruhi remaja merokok. Kebanyakan daripada mereka tidak tahan dicabar lalu terjebak dalam gejala tersebut. Di samping itu, remaja yang terlibat terdorong untuk merokok sebagai memenuhi syarat wajib sebelum diterima dalam sesebuah kumpulan. Ada juga remaja yang merokok kerana meniru perlakuan ibu bapa, penjaga, saudara mara dan orang dewasa yang lain.

Kini, iklan rokok melalui media massa bukanlah sesuatu yang luar biasa. Oleh yang demikian, remaja mudah terpengaruh oleh iklan yang dipaparkan terutama yang menggunakan *personaliti idaman*. Iklan merokok yang dipaparkan cuba menggambarkan imej positif yang bercorak keyakinan, kematangan dan keberanian. Hal ini ditambah lagi dengan rokok yang mudah diperolehi di mana-mana kedai dan dapat dibeli tanpa sekatan.

Walaupun ada larangan merokok dalam kalangan remaja tetapi sehingga kini, penguatkuasaan belum benar-benar dilakukan. Tidak hairanlah bilangan perokok di negara ini semakin meningkat. Impak buruk ketagihan merokok membuatkan kerajaan melancarkan kempen antimerokok, seperti 'Tak Nak' dan memperuntukkan sekitar RM 20 juta setahun untuk kempen tersebut.

Ekoran hal tersebut, rakyat Malaysia didedahkan pada pelbagai maklumat tentang keburukan merokok. Antaranya Kementerian Pelajaran telah melancarkan pelbagai program untuk kanak-kanak sebagai usaha menangani gejala ini. Kementerian Kesihatan Malaysia telahewartakan Peraturan Hasil Tembakau pada 25 September 2008. Di samping itu, kerajaan juga telah mewujudkan Zon Larangan Merokok di tempat-tempat awam dan di jabatan-jabatan kerajaan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa amat sukar bagi kebanyakan orang untuk berhenti merokok. Walau bagaimanapun ada cara yang berkesan untuk membantu perokok menghentikan tabiat mereka. Oleh itu, penting untuk anda berkata "Tidak" kepada rokok.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
'Katakan Tidak kepada Rokok' oleh Alice Danial,  
Dewan Siswa, Mac 2010)

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *personaliti idaman*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan peranan pihak kerajaan untuk mengurangkan gejala merokok dalam kalangan remaja. [3 markah]
- (iii) Sebagai seorang remaja yang prihatin, berikan beberapa cadangan kepada rakan anda supaya menjauhi tabiat merokok. [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SAFIAH : *(Diam sebentar, meneliti wajah Umar yang masih berpaling darinya)* Jadi, you tetap jua nak ambil diploma education?

UMAR : *(Tak menjawab. Kemudian tiba-tiba meletakkan majalah dan menghadap penuh pada Safiah)* Ingat apa yang you sebutkan tadi. You kata di luar negeri boleh berkhidmat kepada bangsa.

SAFIAH : *(Penuh harapan)* Ya, you boleh membangun bangsa dari luar negeri, kan?

UMAR : *(Tegas dan yakin)* Tidak! Pembangunan kita sekarang harus di negeri kita sendiri. Kita membangun negeri kita dari tanah kita sendiri, bukan dari luar negeri.

SAFIAH : *(Memohon)* Tapi, Mar, inilah peluang kita keluar negeri! *(Umar tidak menjawab, mukanya beku. Safiah terdiam seketika, kemudian mencuba lagi)* Bagaimana kalau you dihantar mengajar di tempat-tempat yang jauh dari ibu kota ini?

UMAR : *(Tegas)* Apa salahnya? Semakin jauh dari ibu kota semakin baik. Semakin dekat dengan kampung semakin I suka.

SAFIAH : *(Memandang muka Umar dengan terkejut dan tak percaya)* Jadi, you suka balik ke kampung?

UMAR : *(Perlahan tapi penuh keyakinan)* You tahu Piah, kalau pun I masuk MCS, I akan meminta bekerja di tempat-tempat yang dekat dengan kampung. *(Meneliti wajah Safiah)* Apa salahnya balik ke kampung? Dan berapa orang mahasiswa yang suka ke kampung? Berapa orang?

(Dipetik daripada  
'Serunai Malam'  
Oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah punca perselisihan pendapat antara Umar dengan Safiah?  
[2 markah]
- (ii) Sekiranya anda dihantar berkhidmat di kawasan pedalaman, nyatakan usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk memajukan penduduk di kawasan tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Umar yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan drama.  
[4 markah]



**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah budak itu masuk, maka titah raja, "Hai kanak-kanak, hendak dijualkan burungmu itu? Berapa harganya?"

Maka sembah budak itu, "Empat ribu dinar, tuanku."

Maka titah raja seraya tersenyum, "Berapakah engkau katakan yang tiada layak? Bukan harganya demikian itu, *unggas yang sekepal* ini."

Setelah didengar oleh bayan titah raja itu, maka sahutnya, "Hai, raja besar yang berakal, sempurna bicaranya, duli yang maha mulia, belilah juga patik ini, supaya penyakit duli syah alam ini patik ubati! Insya-Allah Taala nescaya hilanglah penyakit tuanku itu."

Setelah didengar oleh raja demikian itu, maka dibelilah oleh raja dengan harga empat ribu dinar. Setelah sudah, maka penyakit sopak raja itu pun diubati oleh bayan itu. Maka penyakit itu pun sembuhlah dengan kurnia Allah Subhanahuwataala, pulanglah seperti dahulu kala dengan sempurnanya. Maka raja pun terlalu amat sukacita melihat penyakitnya sembuh itu.

(Dipetik daripada  
'Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya'  
dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *unggas yang sekepal* berdasarkan petikan di atas? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah penyakit raja itu dapat disembuhkan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah bayan meminta raja membelinya sebelum mengubati penyakit baginda? [3 markah]

**Soalan 2 (d) – Petikan Syair**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR KELEBIHAN ILMU**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

Za'ba,  
Puisi Warisan, 1994,  
Antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan kelebihan ilmu dalam rangkap keempat syair. [2 markah]
- (ii) Sebagai pelajar, bagaimanakah anda dapat memanfaatkan ilmu dalam kehidupan seharian? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam syair tersebut. [4 markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) mengena - mengenakan
- (ii) menjadi - menjadikan
- (iii) memutih - memutihkan

[6 markah]

(b) *Tulis semula ayat-ayat di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.*

Kebanyakan penggemar buah-buahan tempatan menjadikan betik sebagai pilihan utama. Betik mengandungi pelbagai khasiat. (Buah betik tidak bermusim. Buah ini mudah didapati.) (Buah ini murah harganya. Serat banyak terkandung di dalam buah betik. Serat sangat berguna untuk merawat sembelit.)

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Majlis perlantikan pengawas pada pagi yang berbahgia itu telah berlangsung dengan jayanya.
- (ii) Ibu sediakan pelbagai kelengkapan termasuk sireh junjung untuk dibawa ke rumah pengantin perempuan.
- (iii) Meskipun masyarakat orang asli di negara ini tinggal di kawasan pendalaman, kebajikan mereka tetap tidak diabaikan kerana mereka juga penduduk pribumi.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Program penghayatan alam sekitar yang dianjurkan itu diharapkan mampu mencemerlangkan semangat cinta akan alam semula jadi di kalangan remaja.
- (ii) Golongan remaja mudah terpengaruh dengan fesyen pakaian terkini yang kurang tepat dengan nilai-nilai ketimuran.
- (iii) Kerajaan bercadang untuk mengetatkan syarat pemilikan dan penggunaan kredit kad untuk membasmi masalah pemalsuannya.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang terdapat dalam ayat.

- (i) Walaupun Edy dan Elyana pasangan kembar seiras, namun perangai dan tingkah laku mereka amat jauh berbeza.
- (ii) Sikap sesetengah pihak yang suka membuat tuduhan melulu menyebabkan perselisihan faham.
- (iii) Hasrat Fadli untuk memiliki motosikal sendiri terlaksana apabila ibunya menghadihkan sebuah motosikal setelah ia lulus cemerlang dalam peperiksaan SPM yang baru diumumkan itu.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A.Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Bahagian perkembangan sesebuah novel memaparkan pelbagai peristiwa yang menimbulkan perasaan tertanya-tanya kepada pembaca.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh peristiwa untuk membuktikan pernyataan tersebut. [7 markah]

- (b) Bandingkan **satu** perwatakan seorang watak sampingan dalam **dua** buah novel yang anda pelajari. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**